

Headline	YBK cadang wujud jawatankuasa khas basmi kemiskinan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Aug 2019	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	9	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	123 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,378
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,134



YBK cadang wujud jawatankuasa khas basmi kemiskinan

SHAH ALAM - Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) mencadangkan sebuah jawatankuasa khas pembasmian kemiskinan secara menyeluruh diwujudkan kembali dengan menggabungkan agensi kerajaan termasuk Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan badan bukan kerajaan bagi mengurangkan miskin bandar.

Pengerusinya, Datuk Zainal Sakom berkata, jawatankuasa itu berperanan membincangkan kaedah yang boleh dilaksanakan bagi membasmi kemiskinan menggunakan segala sumber dan tenaga sedia ada.

Katanya, kenyataan Menteri Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun dalam satu wawancara ber-

kenaan realiti rakyat miskin bandar lebih serius adalah tepat.

“Kerajaan perlu memberi tumpuan bagi memastikan rakyat yang hidup di bandar dapat hidup dengan selesa dan tenteram.

“Penduduk luar bandar yang terpaksa tertumpu ke bandar bagi mendapatkan pekerjaan akhirnya tersepit dengan kos sara hidup yang tinggi di bandar,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Zainal mengibaratkan golongan itu bekerja dan memperoleh pendapatan sekadar cukup-cukup makan, selebihnya terpaksa menanggung kos harian sehingga menjadi gelandangan di bandar.

Katanya, YBK turut mahu membantu melaksanakan pelbagai program bagi mengurangkan beban hidup mereka di bandar.